

NASKHAH PERCUMA

فِرْدَانِ كَاجُون اقْتَصَادِنَخْرِيَّيْكَلَنْتَن

IKTISAD



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN
PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

EDISI KHAS 2013

www.pkink.gov.my

APARTMENT PERDANA RESORT TAWARKAN KELAINAN

► MS 5

Kerajaan Negeri Sasar 5,000 unit Rumah ► MS 9

KRKB Bayar Dividen Sembilan Peratus ► MS 12




PKINK Bantu Promosi Produk Pelancongan Berbasikal ► MS 19

Karnival Sukan KSKK PKINK ► MS 20





25



Rasulullah s.a.w bersabda yang maksudnya: "Tidak ada seorang pun yang mempunyai emas dan perak yang tidak menunaikan zakatnya, melainkan pada hari kiamat dijadikan hartanya itu beberapa keping api neraka. Setelah dipanaskan, digosokkan lambung, dahi dan belakangnya. Setiap kali ia sejuk, dipanaskan semula pada satu hari yang lamanya 50 ribu tahun sehingga Allah menyelesaikan segala perkara yang berkaitan dengan hamba-Nya."

(Hadith Riwayat Muslim)





- 4 Dari Meja Ketua Editor / Sidang Editor
- 5 Apartment Perdana Resort tawarkan suatu kelainan
- 7 Kerajaan Negeri Sasar 5,000 unit Rumah
- 10 Kelantan bakal miliki kondominium mewah berkonsepkan kehijauan
- 11 Wi Fi Percuma dan Rencana kumpulan PKB
- 12 KRKB Bayar dividen Sembilan peratus
- 13 Berita Bergambar
- 17 Kursus Anjuran PKINK
- 19 PKINK bantu promosi produk pelancongan berbasikal
- 20 Karnival Sukan KSKK PKINK
- 21 Penyertaan KEKWA dalam carnival sukan YOKUK 2013
- 22 Muslimat – Suara wanita berlagu
- 24 Jawi – 9 kualiti pekerja cemerlang
- 26 Pengetahuan asas pertolongan cemas

Selembar Amanat

Dari meja Ketua Editor

Ulangtahun ke-23 pentadbiran Membangun Bersama Islam

Assalamualaikum dan salam Serambi Mekah.

Alhamdulillah dan bertemu lagi kita dalam sesi kali ini. Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Kelantan kerana genap 23 tahun mentadbir di atas dasar Membangun Bersama Islam.

Ulang tahun ke-23 kali ini agak signifikan kepada kerajaan dan rakyat negeri Kelantan. Ia berikutan perubahan pucuk kepimpinan ulama daripada Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat kepada kepimpinan baru yang diamanahkan kepada Ustaz Haji Ahmad Yakob. Saya percaya sambutan ulang tahun ke-23 ini sebagai membuka ruang untuk kepimpinan baru kerajaan menzahirkan komitmen. Di samping pelbagai lapisan rakyat diberikan ruang untuk menyampaikan harapan dan pandangan demi memacu perjalanan kerajaan berjaya di bawah dasar Membangun Bersama Islam.

Dasar Membangun Bersama Islam ini perlu sentiasa dikemaskini dan diperjelaskan kandungannya dari masa ke semasa kepada seluruh rakyat negeri ini dan khususnya kepada penjawat awam. Ini kerana prinsip teras di dalamnya iaitu Ubudiyah, Itqan dan Masuliyyah sangat perlu kepada penjelasan berterusan agar mampu difahami secara menyeluruh. Dengan kefahaman yang jelas barulah kita mampu membawa visi tersebut ke dalam budaya harian kita.

Saya berkeyakinan tinggi bahawa prinsip Ubudiyah, Itqan dan Masuliyyah merupakan prinsip terbaik dalam menguruskan sumber manusia dalam apa jua sektor. Prinsip ini membentuk individu agar menjaga kepatuhan terhadap tuhan serta memiliki akauntabiliti yang tinggi sesama manusia. Dari situ akan lahirlah penjawat awam yang berbudaya prestasi tinggi ataupun itqan.

Harapannya, sambutan ulang tahun ke-23 pentadbiran Membangun Bersama Islam negeri Kelantan pada kali ini menatijahkan semangat dan keazaman tinggi pemimpin dan rakyat untuk terus bersama kepimpinan ulama. Semoga rahmat-Nya menjadikan Kelantan terus utuh dengan keberkatan, kemakmuran dan kebajikan bersama pemimpin dan rakyatnya.

Sekian, wassalam.

DR. HJ. WAN ZAWAWI BIN WAN ISMAIL

Timbalan Ketua Eksekutif Hal Ehwal Korporat

PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah
Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK

KETUA EDITOR

Dr. Hj. Wan Zawawi b. Wan Ismail
*Timbalan Ketua Eksekutif
Hal Ehwal Korporat*

PENOLONG EDITOR

Mohd Roslan Mohd Zain
*Penolong Pengurus Pengurusan
Sumber Manusia*

WARTAWAN

A Ubaidillah b. Alias
Tengku Petra b. Tengku Wook
Tuan Hissam b. Tuan Mamat
Sofia Aizan bt. Che Soh
Hawa bt. M. Salleh

JURUGAMBAR

Tengku Petra b. Tengku Wook
Tuan Hissam b. Tuan Mamat

PENGEDARAN

Unit Perhubungan Korporat

PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Kemajuan Iktisad
Negeri Kelantan
Tingkat 7 - 11, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani,
15710 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09 - 7414141 Fax: 09-7414140

PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



Apartmen Perdana Resort tawarkan suatu kelainan

P erbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) maju setapak lagi dalam bidang harta tanah apabila berjaya menyiapkan tiga blok apartmen di Perdana Resort. Dan empat blok lagi akan dibina pada fasa kedua bermula awal tahun 2014. Projek berkenaan dianggarkan bernilai RM30 juta.

Fasa pertama yang sudah disiapkan mengandungi 51 unit apartmen. Pengurus Pemasaran SPP Development Sdn Bhd, Mohd Radzi Mohd Zain berkata, apartmen tersebut kini di peringkat akhir sebelum diserahkan kunci kepada pembeli bagi fasa pertama.

Katanya sehingga kini hampir keseluruhan sudah dijual dan

pembeli diberi pilihan untuk menduduki sendiri atau diserahkan kepada pengurusan Perdana Resort bagi disewakan kepada pengunjung.

“Pembeli diberi pilihan sama ada mahu menguruskan sendiri apartment mereka atau menyerahkan kepada Perdana Resort untuk dijadikan penginapan yang akan diuruskan oleh Perdana Resort,” kata beliau ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Apartment tersebut terletak di lokasi strategik di pesisiran Pantai Cahaya Bulan (PCB). Kedudukannya di kawasan Perdana Resort, sebuah pusat peranginan milik kerajaan negeri.

Perdana Resort dikenali ramai sebagai resort di persisiran Laut China Selatan. PCB juga terkenal dengan pelbagai produk berdasarkan



Pengurus Pemasaran SPP Development Sdn Bhd, Mohd Radzi Mohd Zain

batik dan makanan laut.

Apartment tersebut dibina berdasarkan “ala-Modern Tropical” dengan sentuhan elemen senibina



3 blok Apartment 3 tingkat.



berciri Islamik. Apa yang ditawarkan SPP ialah melahirkan ketenangan jiwa kepada pemiliknya atau pelancong yang menyewa premis berkenaan.

Apartment tersebut menyediakan empat jenis kediaman iaitu satu bilik dengan keluasan 442 kaki persegi (kps) berjumlah 12 unit ditawarkan dengan harga antara RM163,520 sehingga RM168,540. Apartment dua bilik pula seluas 784 kps sebanyak 24 unit berharga antara RM290,080 sehingga RM295,080. Manakala bagi tiga bilik dibahagikan kepada dua jenis iaitu Type A dan Type B ditawarkan antara harga RM331,520

sehingga RM411,260 dengan keluasan sehingga 1098 kps.

Sementara itu Pengurus Besar Perdana Resort, Encik Zaidon Ismail berkata, kewujudan apartment tersebut memberi imej baru kepada Perdana Resort.

Katanya, sekarang pelancong yang datang bercuti mempunyai pilihan tempat penginapan selain chalet sedia ada.

"Pelancong yang datang secara berkeluarga atau berkumpulan mempunyai pilihan untuk menginap mengikut citarasa mereka.

"Insya-Allah pihak pengurusan



Pengurus Besar Perdana Resort, Encik Zaidon Ismail

Perdana Resort bersetuju mengurus mana-mana apartment yang diserahkan pemiliknya untuk diuruskan.

"Ia akan dijadikan Apartment Perdana Resort dan konsep ini pertama kali diperkenalkan di Kelantan," katanya.

Beliau juga berkata, pertambahan bilangan bilik untuk disewa, membolehkan Perdana Resort mengadakan pelbagai aktiviti lain bagi menarik lebih ramai pengunjung.

Menurutnya juga pemilik apartment yang bersetuju menyerah kepada Perdana Resort untuk diurus Perdana Resort akan diberi "Free Membership" bagi tahun pertama, di samping pelbagai lagi kemudahan lain.



Mohd Radzi di hadapan Apartment Perdana Resort.





Kerajaan Negeri Sasar 5,000 Unit Rumah – MB

SELEPAS berjaya mengekalkan kerajaan hasil mandat rakyat pada 5 Mei 2013, langkah awal diusahakan bagi mencapai sasaran 5,000 rumah mampu milik dibina penggal ini.

Kerjasama agensi kerajaan negeri dan pihak swasta sedang digembangkan. Baru-baru ini Yayasan Islam Kelantan dengan kerjasama syarikat Hectares and Acter Sdn Bhd melaksanakan projek bercampur di kawasan seluas 115 ekar di Kok Lanas. Sebanyak 135 unit rumah mampu milik akan dibina di kawasan tersebut.

Kerajaan negeri yakin sasaran itu boleh dicapai dalam tempoh lima tahun.

Program tersebut selaras dengan apa yang dijanjikan PAS dan Pakatan Rakyat di Kelantan ketika kempen pada pilihanraya umum lalu.



Projek usahasama di Kok Lanas membabitkan pembinaan 653 unit kediaman. Selain itu kerajaan negeri juga menyediakan Dasar Pelaburan Negeri.

Kelantan pasca Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat terus memacu jentera pentadbiran seiring dengan kehendak rakyat. Kesinambungan daripada pimpinan lama kepada yang baru berjalan lancar.

Selepas PAS dan Pakatan Rakyat mengekalkan bumi Serambi Mekah bagi penggal keenam pada 5 Mei 2013, rakyat Kelantan mendapat Menteri Besar baru.

Tok Guru Nik Abdul Aziz berundur kerana faktor keadaan kesihatannya sekarang tidak lagi mengizinkan. Maka bermula 6 Mei 2013 Ustaz Dato' Ahmad Yakob merangka agendanya, di samping meneruskan dasar-dasar ditinggalkan Tok Guru Nik Abdul Aziz.

Ketika ditemui wakil Iktisad baru-baru ini katanya, kerajaan negeri turut memberi tumpuan bagi menarik lebih ramai pelabur dari Asia Barat dan Asia Timur.

Asia Barat termasuk Oman, Kuwait dan negara-negara Arab lain. Manakala Asia Timur pula China dan Jepun.





"Enam siri pelaburan ke luar negara akan dilaksanakan tahun 2014. Tiga misi perdagangan akan memberi tumpuan kepada negara di Asia Barat dan tiga lagi ke Asia Timur.

"Delegasi itu akan diketuai Menteri Besar selaku pengurus Jawatankuasa Perancangan Ekonomi dan Pelaburan Negeri," katanya.

Tumpuan diberi kepada pelaburan dalam bidang halal hub dan industri berdasarkan mineral terutamanya limestone yang belum diusahakan secara industri.

PERLOMBONGAN BESI DAN EMAS

Ustaz Dato Hj Ahmad berkata, perlombongan bijih besi dan emas sudah lama dilaksanakan di Kelantan. Dan sekarang memberi tumpuan kepada limestone pula memandangkan ia banyak terdapat di Gua Musang.

Limestone merupakan batu kapur yang digunakan sebagai



bahan binaan, menurap jalan raya dan menghasilkan bahan mentah kimia. Batu kapur tersebut akan dijual kepada negara Asia Barat dan Timur. Limestone tidak memberi kesan kepada alam sekitar.

Biar pun aktiviti perlombongan diberi keutamaan bagi meningkatkan hasil negeri, kesan-kesan alam sekitar juga diambil berat.

Setiap projek perlombongan perlu ada laporan kesan alam sekitar (EIA). "Kerajaan negeri juga menambah lagi bilangan anggota penguatkuasa di Pejabat Tanah dan Galian bagi memastikan aktiviti perlombongan tidak berlaku pencemaran alam sekitar," katanya.

Syarikat perlombongan perlu memasang perangkap bagi mengelakkan aliran air mengalir terus ke sungai ketika musim hujan.

Sisa-sisa industri perlombongan dipastikan tidak terus dibawa arus sehingga mengeruhkan air sungai.

Selain itu kata Menteri Besar kerajaan negeri juga menimbang kajian semula royalti 5 peratus, di samping mengkaji cukai-cukai (fee) lain sebagaimana dilaksanakan di negeri-negeri lain di Malaysia.

"Kita juga melaksanakan tender terbuka perlombongan mineral. Perkara itu telah dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK).

"Dasar Tender Mineral Negeri merupakan antara perkara baru yang kita akan laksanakan. Dahulu hanya dilulus mengikut permohonan yang diajukan.

"Konsep yang kita tekankan iaitu perolehan tender terbuka, akauntabiliti awam, dilulus secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka dan adil serta saksama," tambahnya.

AKUJANJI PILIHAN RAYA UMUM KE-13

Dalam manifesto dikemukakan PAS pada pilihan raya umum lalu, aspek pemantauan projek diberi perhatian untuk memastikan setiap program dijalankan berjalan lancar.

"Insya-Allah saya dan MMK akan memantau setiap projek dilaksanakan di bawah portfolio Exco. Sehingga kini dua perbincangan khusus telah dibuat bagi melaksanakan pemantauan projek pembangunan di Kelantan," ujarnya. Hasil perbincangan itu dicetuskan indikator Indeks Taqwa dan tahap Kepuasaan Rakyat.



PERTAMA - kerajaan negeri akan berusaha mempertingkatkan kemakmuran rakyat secara adil dan saksama.

KEDUA - memajukan sosial budaya rakyat berteraskan ilmu, iman dan amal.

KETIGA - pembangunan harta tanah dan wilayah serta memartabatkan hasil negeri.

KEEMPAT - meningkatkan mutu, taraf ke arah masyarakat madani.

KELIMA - tingkatkan infrastruktur dan kebaikan rakyat.

Buat masa ini kata Menteri Besar, kerajaan negeri memperkasakan program rohani demi keberkatan dan keredhaan Allah Taala.

"Program rohani dari segi pelaksanaan diletak di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan," tambahnya.

PROGRAM BERKEBAJIKAN

Kerajaan negeri tidak ketinggalan berusaha mengoptimumkan hasil negeri secara terus menerus dengan telus dan integriti. Usaha itu dilakukan bagi menambah hasil supaya program berkebajikan dapat diperkasakan lagi.

S k i m
T a k a f u l



Kifaalah diperuntuk sebanyak RM5 juta setahun bagi membayar pampasan kepada warga emas yang meninggal dunia.

"Bagaimanapun peruntukan sebanyak RM5 juta setahun belum mencukupi memandangkan syarikat insurans tiada pelan pembiayaan bagi warga emas berusia lebih 75 tahun.

"Oleh sebab itulah kerajaan negeri terpaksa menambah sebanyak RM2 juta lagi menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM7 juta setahun bagi mengendalikan program kifaalah," katanya.

Selain itu kerajaan negeri juga akan menghidupkan semula program tabung Qardhu Hassan. Sebelum ini pengendalian program itu berdepan masalah membayar balik pinjaman yang dibuat penduduk miskin.

Program Qardhu Hassan antara usaha kerajaan negeri memberi pinjaman mudah kepada penduduk di kampung-kampung yang berdepan masalah kewangan.

KESIMPULAN

Bebanan tugas dan tanggungjawab yang terpikul di bahu Ustaz Dato Hj Ahmad sekarang begitu besar sekali.

Mentadbir sebuah negeri yang sering berdepan diskriminasi kerajaan pusat dan punca hasil agak terhad bukan satu tugas yang mudah.

Namun dengan bantuan anggota-anggota Exco yang terdiri daripada pakar dalam pelbagai bidang, sedikit sebanyak dapat membantu Menteri Besar menjulang Kelantan setanding negeri-negeri lain.

"Kita agihkan kuasa kepada mereka. Pelaksanaan kerja dilakukan secara kolektif. Kerangka Membangun Bersama Islam telah dirangka begitu rupa oleh Tok Guru.

"Perubahan itu berlaku atas kehendak semasa. Perubahan ke arah penambahbaikan lagi pentadbiran negeri Insya-Allah," ujarnya.

Pengalamannya sebagai anggota Exco dan Timbalan Menteri Besar sebelum ini setidak-tidaknya dapat membantu Ustaz Dato Hj Ahmad.

Sebelum terbabit dengan politik beliau mengajar di sekolah di bawah Kementerian Pelajaran. Bagaimanapun pada 1995 beliau meletak jawatan bagi memikul amanah parti untuk bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Pasir Pekan.

Pengalamannya hampir 20 tahun terbabit sebagai pemimpin politik membolehkan beliau merancang agenda baru memperkasakan Kelantan di bawah dasar Membangun Bersama Islam. 🌟



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**PERJANJIAN USAHASAMA
DI ATAS LOT 17 SEK.16 KOTA BHARU
ANTARA**

PKINK & KEN PROPERTY SDN BHD

1 ZULKAIFAL 2013



Kelantan Bakal Miliki Kondominium Mewah Berkonsepkan Kehijauan

KOTA BHARU: Kelantan bakal mempunyai kondominium mewah berkonsenpkpan kehijauan bernilai RM48 juta yang akan dilaksanakan di Lot 17 Seksyen 16, Jalan Hamzah berhampiran pusat beli-belah KB Mall, di sini. Projek yang akan dibangunkan oleh kerajaan negeri melalui anak syarikatnya, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) akan dapat memenuhi kehendak penduduk negeri ini yang ingin memiliki kediaman mewah pada harga mampu milik.

Pengerusi PKINK yang juga merupakan Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yakob berkata, kondominium lengkap dengan ciri mesra alam ini akan dibina tidak lama lagi, sekali gus memenuhi cita rasa penduduk untuk memiliki kediaman mewah di tengah bandar Kota Bharu tetapi pada harga mampu dimiliki.

"Projek pembangunan berkonsenpkpan kehijauan yang julung kali ini akan dibangunkan Ken Property Sdn Bhd (KPSB), anak syarikat Ken Holding Berhad dengan kerjasama PKINK," katanya kepada media selepas menyaksikan majlis tandatangan perjanjian pembangunan bersama antara PKINK dan Ken Property Sdn Bhd di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Besar, Dato' Mohd Amar Abdullah, Pegawai Kewangan Negeri, Exco-exco, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Mohd Sabri Abdullah dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Ken Holding Berhad, Datuk Kenny Tan Boon Kang.

Katanya, projek kondominium 21 tingkat yang terdiri daripada 165 unit kediaman itu dijangka siap sepenuhnya dalam masa 6 tahun.

"Projek ini dibayai sepenuhnya oleh KPSB di tanah milik PKINK itu melibatkan pembinaan beberapa



Ahmad (empat dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Mohd Sabri dan Pengarah Urusan Kumpulan KPSB, Sam CS Tan

bangunan seperti pejabat pengurusan, surau, dewan masyarakat, tadika, gim, kolam renang dan kawasan permainan kanak-kanak," katanya.

Menurutnya, projek ini dijangka dapat membuka peluang kepada penduduk di negeri ini untuk memiliki kediaman selesa dalam kawasan bandar selain mampu memusatkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri ini.

"Selain itu, PKINK juga bakal memperoleh pulangan tidak kurang daripada RM5.7 juta hasil daripada projek ini. Kami juga yakin projek ini akan mendapat sambutan baik daripada rakyat negeri ini," katanya lagi.

Sementara itu, Kenny Tan Boon pula berkata, pembangunan berkonsenpkpan kehijauan itu yang pertama dilaksanakan di negeri ini dan berharap ia akan dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang.

"Kami akan laksanakan projek ini sebaik mungkin sebagai usaha merealisasikan gaya hidup masyarakat negeri ini melalui kehidupan selesa berkonsenpkpan hijau di Kelantan ini," katanya. ☀



WiFi Percuma Penghargaan Untuk Rakyat

KOTA BHARU: Dalam era ledakan maklumat ini, kerajaan negeri Kelantan tidak ketinggalan memberi peluang kepada rakyat untuk menguasai teknologi maklumat dan komunikasi secara percuma dalam segala urusan harian mereka. Selain itu, kerajaan negeri juga mengutamakan ICT dalam arus pembangunan kerana pada masa kini kemajuan ICT ini telah mendatangkan banyak manfaat kepada individu, masyarakat dan negara.

Sebagai pemangkin ekonomi dan kemajuan negeri dalam pelbagai sektor, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui anak syarikatnya, Infra Quest Sdn Bhd (IQSB) yang sebelum ini berjaya membina lebih 200 buah menara telekomunikasi diseluruh negeri Kelantan dalam tempoh 7 tahun telah menceburi satu lagi bidang baru dalam industri telekomunikasi di Kelantan iaitu



pelaksanaan kabel gentian optik dengan menggunakan kaedah terbaru ‘micro trenching dan micro duct’ untuk memberi perkhidmatan wifi percuma kepada rakyat di negeri ini, sekaligus menjadikan Kelantan setanding dengan negeri-negeri lain.

Jajaran kabel gentian optik fasa pertama melibatkan laluan bermula dari kawasan Kompleks

Kota Darulnaim (SUK) menuju ke KB Cyber Plaza seterusnya ke bangunan Kelantan Trade Centre (KTC) yang melibatkan jarak sepanjang hampir dua kilometer telah pun dirasmikan oleh Dato’ Haji Hanifa Ahmad, Pengurus Jawatankuasa Kerjaya, Infrastruktur, Utiliti dan Teknologi Maklumat, baru-baru ini.

Dengan adanya wifi percuma ini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu komunikasi dan produktiviti di kalangan anggota kerajaan dan rakyat serta dapat membantu pihak berkuasa tempatan dalam menguruskan perancangan bandar secara sistematis.

Kewujudannya juga dapat membantu pentadbiran negeri menjadi lebih cepat dan cekap. Dengan itu, Kelantan akan lebih cepat mencapai wawasannya dan mencipta nama di persada dunia ini. Sebagai analoginya, segala urusan menjadi lebih sistematik. ☺





Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KRKB Bayar Dividen Sembilan Peratus



KOTA BHARU: Koperasi Rakyat Kelantan Berhad (KRKB) mengumumkan pembayaran dividen kali kedua sebanyak sembilan peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2013.

Pengerusi KRKB, Hj Mohd Sabri Abdullah berkata, kejayaan memberi dividen kepada 1,067 ahlinya yang layak menerima memperlihatkan KRKB berpotensi berkembang lebih maju pada masa depan.

Menurutnya, ia adalah hasil melabur dalam perniagaan sistem gadaian syariah (Ar-Rahn) yang bebas daripada amalan riba.

“Kejayaan membayar dividen ini hasil daripada keuntungan aktiviti Ar-Rahn yang mempunyai 25 cawangan di seluruh negara dengan kerjasama Permodalan Kelantan Berhad (PKB) berjumlah RM253,459.17 dengan nilai pelaburan RM1.8 juta bagi tahun kewangan kali ini.

“Kejayaan ini sebagai merealisasikan objektif penubuhan KRKB iaitu berkongsi keuntungan melalui pembabitan rakyat dalam perniagaan Ar-Rahn yang diusahakan PKB, iaitu anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk manfaat rakyat kini tercapai,” katanya kepada media selepas Mesyuarat Agung Tahunan KRKB kali kedua.

Turut hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan



Konvensyen Kelantan Trade Centre (KTC), Timbalan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Kelantan, Annuar Mohd dan Ahli Lembaga Pengarah KRKB.

Hj Mohd Sabri yang juga Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK berkata, jumlah modal saham terkumpul sehingga Julai tahun ini ialah RM1.8 juta dengan jumlah ahli koperasi berdaftar seramai 2,332 keahlian.

“Daripada jumlah saham ini, RM1.8 juta bersamaan dengan pegangan ekuiti sebanyak 36.6 peratus akan dilaburkan dalam perniagaan Ar-Rahn.

“Bagi tahun kewangan 2013, KRKB mencatatkan peningkatan sebanyak 57 peratus berbanding tahun sebelumnya.” Katanya.

Hj Mohd Sabri berkata, secara tidak langsung ia akan memberi keyakinan kepada ahli untuk menambah pelaburan dan menarik lebih ramai ahli baru biarpun KRKB baru menginjak usia dua tahun.

“Bagi tahun kewangan 2014, saya menyasarkan modal saham dapat ditingkatkan kepada RM10 juta dan jika ia dicapai, jumlah dividen akan bertambah 10 peratus,” katanya. ☀





Menteri Besar Kelantan bersama exco negeri turut hadir memeriahkan sambutan hari raya.



Majlis Rumah Terbuka Kumpulan PKINK 20/8/13



Lawatan UiTM Melaka – 25/8/13



Sambut Hari Malaysia – 16/9/13



**Lawatan KSKK PKINK ke kilang air di Jeli
– 30/9/13**



Ekspo Bertani Satu Ibadah – 26 – 29/9/13





Kayak anjuran KSKK PKINK



**Kursus anjuran PKINK
(Team Building, Penjawat
Awam Cemerlang
& Pembangunan
Kemahiran Sahsiah)**



Team Building

BEKERJA secara berpasukan perlu diamal di PKINK bagi tujuan menghasilkan prestasi kerja yang lebih baik dari yang dilakukan secara bersendirian. Penerapan bekerja secara berpasukan ini diterap melalui program "Team Building" dengan tema "Memurnikan Nurani, Menjernihkan Visi".

Seramai 103 orang anggota PKINK telah menyertai program tersebut yang telah diadakan pada 5 hingga 7 September 2013 bertempat di Peladang Agro Resort, Setiu, Terengganu.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah di perkenalkan ialah:

SYARAHAN PENYATUAN FIKRAH/KULIAH MENGENAI ORGANISASI CEMERLANG

- Memperjelaskan kembali halatuju organisasi dan mempastikan seluruh anggota memahami motto, objektif, falsafah dan piagam organisasi.
- Menyatukan matlamat dan focus kumpulan atau organisasi
- Membawa contoh dan model organisasi cemerlang mengikut prespektif Islam dan sejagat.

LATIHAN DALAM KUMPULAN (LDK)

- Menyelesaikan kertas kerja
- Menganalisa masalah di organisasi serta mencari jalan penyelesaian
- Teknik penyelesaian masalah dengan lebih berkesan

ACARA RITUAL DAN KEROHANIAN

- Penerapan elemen rohani secara menyeluruh bermula dari solat subuh berjemaah
- Penyampaian kuliah agama yang meliputi aspek organisasi cemerlang dunia dan akhirat pada setiap selepas waktu Maghrib dan Subuh
- Program Qiamullai

MINI EXPLORACE

- Permainan dalam kumpulan
- Ujian pemikiran serta membentuk kumpulan yang kuat dan mencapai misi atau matlamat kumpulan.
- Teknik pemikiran yang pantas serta menggunakan kekuatan fizikal bagi menyelesaikan masalah.

BERKAYAK

- Kecergasan fizikal amat penting dalam membentuk kumpulan yang Berjaya
- Menguji kemampuan berkumpulan serta memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan

Manfaat yang diperolehi hasil program tersebut akan dapat memupuk semangat kerjasama yang kukuh dan berpanjangan diantara anggota dan pihak pengurusan demi sama-sama memajukan organisasi dan Negara.





Kursus Penjawat Awam Cemerlang

SEBAGAI penjawat awam dalam kumpulan pelaksana, ianya menjadi tulang belakang kepada kelancaran perjalanan organisasi. Oleh kerana pejabat adalah merupakan pusat pentadbiran sesebuah organisasi di mana semua aktiviti bermula dan berpusat, keberkesanan sistem pentadbirannya akan hanya dapat dicapai jika pegawainya memahami dan mengamalkan prinsip kualiti dan peningkatan diri yang berterusan.

Kursus penjawat awam cemerlang itu disusun bagi anggota pelaksana untuk memberi pendedahan kepada konsep kualiti dan pembangunan diri dan membawa mereka melihat dari perspektif organisasi yang lebih luas melewati skop tugas mereka seharian. Seramai 35 peserta yang terdiri dari Penolong Pegawai tadbir, Setiausaha Pejabat dan Pembantu Tadbir Kanan telah menyertai kursus tersebut yang telah diadakan pada 3 hingga 5 Oktober 2013, bertempat di Star Regency Hotel Apartment, Cameron Hightland.

ANTARA KANDUNGAN KURSUS YANG DIPERKENALKAN IALAH:

- Menjadi penjawat awam cemerlang
- Mengurus masa dengan efektif
- Memahami konsep professionalism dalam kerja
- Mematuhi semua prosidur kerja serta arahan pihak atasan
- Menghormati serta mengamalkan peraturan yang sedia ada
- Menjaga imej serta nama baik organisasi dan bahagian/unit yang disertai

PENYEDIAAN MINIT DAN LAPORAN

- Minit Mesyuarat
- Minit bebas
- Minit Curai
- Surat rasmi
- Fail dan rekod

Kursus Pembangunan Kemahiran Sahsiah Kerjaya

KURSUS Pembangunan Kemahiran Sahsiah Kerjaya memberi pendedahan baru kepada warga kerja PKINK untuk memahami tugas yang perlu disudahkan, mengetahui pengharapan pengurusan, trampil dalam pengurusan diri serta sentiasa peka akan prestasi kerja.

Kebolehan bergaul dengan semua lapisan warga organisasi memerlukan kemahiran interpersonal yang tinggi dan baik dalam proses perpindahan ilmu serta kemahiran membuat kerja. Proses persekitaran kerja ini akan mempercepatkan warga kerja di dalam mencapai sasaran yang diberi serta menyempurnakan tugas dengan hasil yang memuaskan.

Kurusus yang bermula 21 – 23 November 2013 ini telah diadakan di Radius International Hotel, Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Kursus ini dihadiri 32 peserta yang terdiri dari Gred 17 dan ke bawah. Antara aspek-aspek yang diberi penekanan di dalam program ini termasuk perkara-perkara berikut:

1. Pengenalan kepada teori dan konsep professionalism.
2. Konsep Pengurusan masa dan kerja
3. Perhubungan sesama manusia
4. Keharmonian tempat kerja
5. Komunikasi terbuka
6. Pengurusan dan pengekalan prestasi
7. Motivasi diri
8. Imej dan ketramplian
9. Manual prosidur kerja
10. Kerja berpasukan

Pendekatan program motivasi ini menggunakan model pengurusan prestasi individu secara bersepadu yang mengambilkira tiga elemen utama:

1. Keupayaan individu
2. Faktor Motivasi
3. Pengaruh Persekutaran



Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



PKINK Bantu Promosi Produk Pelancongan Berbasikal

KOTA BHARU: Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak ketinggalan membantu kerajaan mempromosi produk pelancongan di negeri ini sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 dengan mengadakan program berbasikal.

Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan Kumpulan PKINK, En Ismail Shauki Ibrahim berkata, melalui program berbasikal dapat membantu memperkenalkan tempat-tempat pelancongan di negeri ini.

“Dalam program ini, kami akan memperkenalkan laluan yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai produk pelancongan kepada agensi yang terlibat dalam pembangunan pelancongan seperti di Pulau Kundur dan Pantai Mek Mas yang kaya dengan pelbagai produk pelancongan,” katanya di sini.

Hadir sama pada program itu ialah Ketua Eksekutif PKINK, Hj Mohd Sabri Abdullah.

Program itu turut disertai 40 ahli Kelab Sukan dan Kebajikan Kumpulan PKINK serta Photo Cycling yang bermula di perkarangan PKINK di sini.

En Ismail shauki berkata, program ini selain daripada dapat membantu mempromosikan produk pelancongan, ianya juga dapat menonjolkan aktiviti sosio-ekonomi selain dapat menyihatkan tubuh badan peserta.

“Menerusi program ini juga, kita akan bersama-sama bergotong royong memulih kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai tempat pelancongan dan secara tidak langsung dapat memupuk semangat kerjasama. Beriadah menerusi aktiviti berbasikal ini juga dapat meningkatkan tahap kecerdasan dan melahirkan pekerja yang lebih proaktif,” katanya.

Beliau berkata, program sebegini akan diteruskan di masa akan datang dengan menarik penglibatan lebih ramai peserta termasuk peserta dari Thailand. ☺





Karnival Sukan PKINK Cipta Sejarah

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU: Karnival sukan Kelab Sukan dan Kebajikan Kumpulan (KSKK) Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) 2013 yang berlangsung di Kompleks Belia dan Sukan, Panji mencipta sejarah tersendiri.

Pada karnival sukan tahun lalu hanya membabitkan 400 peserta, namun kali ini penyertaan meningkat sekali ganda iaitu 850 peserta sekali gus membuktikan penganjuran karnival tersebut semakin mendapat sokongan dalam kalangan anggota kumpulan PKINK sendiri.

Ketua Eksekutif merangkap Penasihat KSKK PKINK, Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah berkata, karnival tersebut terbuka kepada empat pasukan yang mewakili sektor masing-masing seperti ibu pejabat, perkhidmatan, hartaanah dan pelancongan.

“Kita juga cuba mengangkat martabat sukan rakyat dengan mengadakan pertandingan sukaneka berkeluarga dan aktiviti kanak-kanak melibatkan penyertaan seluruh anggota dan ahli keluarga mereka.

“Karnival ini menjadi platform kepada anggota kumpulan PKINK dalam membina jaringan dan kerjasama korporat yang lebih dinamik sekali gus mampu menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien kepada rakyat negeri ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan karnival sukan itu. Hadir sama Timbalan Ketua Eksekutif (Hal Ehwal Korporat), Dr Hj Wan Zawawi Wan Ismail dan Yang Dipertua KSKK PKINK, En Ismail Shauki Ibrahim.

Sebanyak 10 jenis permainan dipertandingkan seperti bola sepak, badminton, bola jaring, karom, pingpong, dart, bola tampar, bola wau, tenis dan congkak selain sukaneka dilangsungkan pada karnival berkenaan.



Menurutnya, dasar penubuhan KSKK PKINK itu tidak hanya tertumpu pada penganjuran aktiviti sukan semata-mata sebaliknya merangkumi aspek kebajikan dengan menghulurkan sumbangan kepada ahli yang ditimpah musibah selain penghargaan di atas kecemerlangan anak mereka di dalam peperiksaan.

Tambahnya, semua anggota disarankan memanfaatkan kemudahan gimnasium bernilai RM70,000 yang berpusat di ibu pejabat bagi tujuan aktiviti riadah dalam kalangan mereka.

Sementara itu, En Ismail Shauki berkata, bermula tahun ini pihaknya menambah jumlah permainan namun setiap anggota hanya boleh mengambil bahagian dua acara pada satu-satu masa.

“Karnival sukan ini juga menjadi batu loncatan bagi merancakkan lagi industri sukan di negeri ini sejajar dengan matlamat KSKK PKINK untuk menganjurkan acara itu dalam skala yang lebih besar melibatkan agensi kerajaan negeri pada masa akan datang,” katanya. ☺



Penyertaan KEKWA Dalam Karnival Sukan YOKUK 2013

KELAB Sukan dan Kebajikan Wanita KSK PKINK (KEKWA) buat julung kalinya berpeluang untuk turut serta dalam Karnival Sukan anjuran Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (YOKUK) yang diadakan pada 6 Julai 2013 (Sabtu) bertempat di persekitaran pejabat YOKUK, Kemumin, Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Karnival yang diadakan dari jam 8.00 pagi hingga jam 4.00 petang mendapat sambutan hangat di kalangan ahli YOKUK, ibubapa ahli dan juga para pengunjung. Semasa karnival ini berlangsung terdapat 32 buah gerai yang menjual berbagai barang dan juadah kepada pengunjung.

KEKWA sendiri berpeluang menyertai karnival ini selepas mendengar taklimat dari pengurusan YOKUK pada 27 Mei 2013 yang lalu. Sementelah mendapat jemputan dari YOKUK, KEKWA tidak melepaskan

peluang untuk melebarkan lagi sayap aktivitinya. Acara bermula seawal jam 8.00 pagi dengan aktiviti senamrobik diikuti dengan aktiviti treasure hunt yang dilakukan acara pelepasannya oleh Duta Goodwill YOKUK, selebriti Cik Maya Karin. Acara-acara lain meliputi program pertandingan tarian oleh sekolah dan PDK, pemilihan Ibu Mithali, persembahan nyanyian, nyanyian sambutan hari lahir untuk 300 orang ahli YOKUK dan acara cabutan bertuah. Untuk sambutan majlis hari lahir ini KEKWA turut menyumbang 6 biji kek untuk diagih-agihkan kepada ahli-ahli YOKUK.

Untuk acara sukaneka, rasa sebak terhinggap juga di jiwa menyaksikan ahli YOKUK dalam serba kesukaran dan kepayahan cuba menghabiskan acara yang dipertandingkan. Dalam itu terbit juga rasa hormat pada mereka kerana



tidak berputus asa, cuba sedaya upaya memberikan saungan antara satu sama lain apatah lagi cikgu dan anggota keluarga turut memberi sokongan dan galakan yang tidak berbelah bagi.

Persembahan oleh Duta Goodwill YOKUK Selebriti Cik Maya Karin dan selebriti jemputan Cik Asmidar adalah paling dinantikan. Ternyata persembahan oleh kedua artis ini memang menghiburkan dan terserlah keceriaan dari wajah ahli-ahli YOKUK yang tidak ketinggalan menyanyi dan menari bersama ketika kedua-dua artis ini mengadakan persembahan. Apa yang jelas terpancar dari aktiviti ini ialah kesungguhan dan kerjasama yang erat dan padu antara semua warga kerja YOKUK, anggota Lembaga Pengarah dan ahli-ahli YOKUK itu sendiri. Malah Ybhg Dato' Zaid Ibrahim selaku Penaung Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan telah turut bersama-sama hadir ke karnival kali ini. 🌟





WANITA: Suara Wanita Berlagu

MUTAKHIR ini di mana sahaja kita boleh mendengar suara wanita. Sama ada menerusi nyanyian, nasyid dan apa sahaja. Pernahkah kita bertanya pada diri sendiri tentang hukum suara perempuan.

Secara umumnya kita tahu bahawa suara wanita akan menjadi aurat jika ianya sengaja dibuat lembut dan mendayu-dayu di hadapan lelaki ajnabi(asing). Apa pula hukum suara penyanyi dan penasyid lagu dakwah dikalangan perempuan? Mereka juga melembutkan dan melagukan suara dengan mendayu-dayu. Iya, kita tambah keliru apabila semakin ramai penyanyi wanita sekarang membawa lagu dakwah. Adakah dibolehkan atau tidak dalam agama?

MANUSIA MEMANG MENYUKAI NYANYIAN

Para muda mudi sememangnya amat menyukai muzik dan lagu. Bahkan orang lama dan berumur juga suka kepada lagu-lagu diwaktu mereka sedang membesar. Malah tidak pelik jika dikatakan bahawa golongan agamawan juga tidak terkecuali dari menjadi peminat muzik ini. Walau bagaimanapun, mereka mengalihkan minat itu kepada dendangan lagu-lagu dakwah yang liriknya membawa mesej positif dan keagamaan.

Memang sebahagian besar lagu nasyid membawa mesej yang baik. Maka tidak salah untuk kita mendengarnya. Persoalannya sekarang, bagaimana jika nasyid itu disampaikan oleh perempuan. Dengan suara lunak dan merdu ia dinyanyikan untuk didengari oleh



masyarakat umum termasuk kaum lelaki. Tidakkah di sana ada hukum yang berkaitan mengenainya?

SUARA WANITA BUKAN AURAT

Persoalan pertama yang perlu kita jawab, adakah suara wanita dalam keadaan biasa itu dianggap sebagai aurat? Majoriti ulama berfatwa suara wanita bukanlah aurat. Dalilnya mudah iaitu

Ertinya : **Sesungguhnya Rasulullah SAW berkata : wahai seluruh kaum wanita, bersedeqah dan banyakkan istighfar, sesungguhnya aku melihat wanita adalah majoriti ahli neraka. Maka berkatalah seorang wanita : Mengapa kami menjadi majoriti ahli neraka ya Rasulullah? : rasul menjawab : wanita banyak yang melaknat dan mencela orang lain serta mengingkari kebaikan suaminya..”** (Riwayat Muslim)

Dalam hadith ini diperlihatkan bagaimana cara wanita itu berbicara dengan nabi SAW. Pertanyaan secara langsung wanita itu kepada nabi di tempat terbuka adalah dibenarkan. Ini menjadi bukti bahawa suara wanita bukanlah aurat. Jika muah berbicara dengan lelaki maka wanita tidak perlu berada di belakang tabir atau perlu kepada orang tengah. Dia dibenarkan berbicara terus. Selain hadith ini, masih banyak lagi hadith-hadith lain yang membuktikan suara wanita bukan aurat.

Kesimpulan daripada beberapa pandangan dalam mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali menganggap suara wanita bukanlah aurat. Maka, tidak salah untuk wanita bersuara dalam keadaan biasa. Namun, apabila ia berubah situasi dan tujuan. Maka suara wanita boleh menjadi aurat. Terutamanya bila suara itu dilunakkan dan dimerdukan.



LARANGAN MELEMBUTKAN SUARA

Allah SWT telah memberi peringatan akan hal ini apabila menyebut :-

Ertinya : *Maka janganlah kamu wahai wanita, merendahkan (melunakkan) suaramu kerana dibimbangi orang yang berpenyakit di hatinya akan berniat jahat kepadamu, maka bercakaplah hanya dengan kata-kata yang baik (kandungan dan kelakuan)"* (Al-Ahzab : 32)

Para ulama tafsir menyebut, suara wanita yang dilakukan adalah termasuk dari kecantikan-kecantikan yang tidak wajar dipertonton dan diperdengarkan kepada lelaki bukan mahram. Larangan ini bermaksud adalah haram bagi kaum wanita melembutkan suaranya apabila bercakap di hadapan khalayak lelaki. Imam Al-Qurtubi pula mengatakan, disebabkan suara sebegini akan menjadikan hati orang-orang munafiq dan ahli maksiat berfikiran jahat. (Tafsir Ibn Kathir, 3/483 ; Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran, 14/177)

Sebarang lagu dan nyanyian wanita di dalam media sosial seperti yang terdapat dalam Youtube, Facebook dan video adalah dilarang oleh agama. Sekalipun mesejnya baik dan berunsur dakwah, ia tetap merupakan suatu yang boleh menimbulkan gangguan di dalam hati lelaki.


KESIMPULAN

Berdasarkan nas yang ada ini, kita boleh simpulkan bahawa suara wanita bukan aurat. Namun suara yang dilakukan dengan lunak adalah termasuk dalam aurat yang diharamkan oleh Islam apabila ia diperdengarkan kepada lelaki yang bukan mahram. Adapun jika ia dinyanyikan oleh kanak-kanak wanita yang belum baligh atau ia dinyanyikan khas untuk para wanita. Ia adalah harus.

Maka secara terang lagi bersuluh jika diadakan pertandingan nyanyian atau nasyid yang melibatkan kaum wanita, maka hukum yang paling benar di sisi imam syafie adalah haram. Kaum wanita tidak dibolehkan menyanyi di hadapan khalayak dengan nada suara yang lunak sekalipun menyampaikan lagu dakwah. Melainkan dinyanyikan untuk kaum wanita sahaja.

Oleh yang demikian, sebarang lagu dan nyanyian wanita di dalam media sosial seperti yang terdapat dalam Youtube, Facebook dan video adalah dilarang oleh agama. Sekalipun mesejnya baik dan berunsur dakwah, ia tetap merupakan suatu yang boleh menimbulkan gangguan di dalam hati lelaki. Dibimbangi akan membawa unsur zina hati dan sebagainya. Oleh itu, bagi lelaki yang mukmin maka dia perlu menjauhi perkara ini. Bagi muslimah yang mukminah pula, sewajarnya dia mengelakkan suaranya dari menjadi bahan fitnah. Semoga Allah memberikan keselamatan kepada kita semua dari ditimpa azab seksanya di akhirat kelak. ☩





دديکاسي

فکرجا يع چمزلع امت راجين ، برسماشت تيغكى سرتا كوميتىد دالى ملقساناكن سكالا توگس دان تفعكوغجواب يع دامانهكىن كفدان. اف جوڭ توگسىن ، اكن دلاكوكن دغۇن سقۇوه هاتى دان اكن ملاكوكىن سەھىشك سلساي سلارس دغۇن اف يع دهارقىن اولىه ماجىكىن / اورگانىيىسى.

ايلوق

فکرجا يع چمزلع ساغت ايلوق درى سكى قىنمىليلن دىرىي ، توتوركات ، ۋلاكوان اتاو تىندقىن-تىندقىن. اي مەقۇپايدى فرواقنن يع چرپا ، يقىن سرتا سىنخ دەممىيەنى. اياش جوڭ منجاوهى دىرىي درەد فېرىواتن-فېرىواتن معصىة. اي سدر بىهاوا مىرىك يع بىرگۈمىغ دغۇن معصىة مەقۇپايدى جىوا يع رىسە ، تىدق دېركتى توھن. كايلوکن ۋېرىبادىن بوكىن سەھاج دسانجوغ راماي ترماسوقلە ماجىكىن ، راكىن-راكىن سكرجا ، اهلى-اهلى كلوارڭى سرتا مشاركت سكلىلىغ.

فەم

فکرجا چمزلع لىبىه باپق مندغۇر درەد بىرچاڭكەن. سىكەن يع دەمكىن ، مېبىكىن اى لىبىه باپق بىرفيكىر ، مغانالىيسا دان مەھىي سىسواتو ايسو سېلۇم اياش مەبرىي معلوممالىس. اىقتىن جوڭ كوات كران مەقۇپايدى كوالىتى يع اېغىن بىز-بىز مەھىي اف يع دەغۇر ، دباج ، دلىھەت اتاو يع دەلاقاجرىن.

كىئىنە

فکرجا يع چمزلع كوميتىد ملاكوكىن ستياف كرجا اتاو توگسىن. اي سنتىاس ملاكوكىن كرجىن دغۇن سقۇوه كتكۈن دان كىگىيەن. والا بىتاف سوکر ۋۇن توگسىن يع دېرىكىن كفدان ، اي تىڭ اكن بىرسەها بىرسوغۇكوه سوغۇكوه ملقساناكن اتاو مېباشقىن. اياش جوڭ بىجق سرتا مودە بىرانتىركىي دان مېسوايىكىن دىرىي دغۇن ستياف اورۇغ يع دەتموي اتاو يع بىرچا دەغىن.

حسرت

فکرجا يع چمزلع سنتىاس مەقۇپايدى حسرت قىد هاتى كچىلىن اونتوق منجاۋايدى اورۇغ يع چمزلع دان بىرجاي. حسرتىن اونتوق منجاۋايدى چىتا-چىتا اتاو ايمشىن ايتلە يع سنتىاس مەبرىكىن كفدان سونتىكىن موتىۋايسى اونتوق بىرسەها بىرسوغۇكوه سوغۇكوه باكىي منجاۋايدى كجايان دالى كېپىدوفن كرجاي سرتا ۋېرىبادىن.

ايمان

فکرجا يع چمزلع سنتىاس طاعە كەد فېرىنە توھن. اي سنتىاس بىرسەها منجاۋايدى كجايان سلارس دغۇن تونتون اكام ايايت مەمالەن اف يع دسورو دان منجاوهەكىن اف سەھاج يع دلارغ. سلارس دغۇن ايت ، اياش جوڭ امت منطاۋااما ماجىكىن ، اوندۇغ-اوندۇغ نىڭارا دان اورگانىيىسى.



9 کوالیتی ڦکرجا چمرلڻ



ارتيكل اين ممافرکن ۹ صفة، چيري-
چيري، کوالیتی-کوالیتی اتاو جاتي
ديري ڪفربيادين اتاو ايديتتني
ديري ڦکرجا چمرلڻ يغ دادون
بردارسركن ابجدا.ب.چ.د.اي.ف.ك.ا.م.

ڦکرجا يغ چمرلڻ بوكن سهاج ماھير دان ڦاکر دالم ڦکرجن ان تنافي جو گ ممليقي
اخلاق يغ مليا. کوالیتی-کوالیتی يغ دمتصودکن ايت اداله سفترتي برايکوت:

أمانه

ڦکرجا يغ چمرلڻ بوليه ڊفرجا ٻائي ، جوجور دان إخلاص دالم سڪالا تيندقن. اي سنتياس برچاڪڻ بنز ، تيدق بوهوغ ، تيدق منيڻو ، تيدق منچوري
دان تيدق رسواه. ايان سدر بهاؤا ستياف ڦربوائن دفرهاٽيکن اوپلیه الله سبحان و تعالیٰ.

بيحق

ڦکرجا يغ چمرلڻ بيحق مٺگوناکن ماس سرتا سومبر-سومبر د سکليليشن. ايان سنتياس مٺگوناکن ماس هيڊوڻن دغන سبائيق-باءيقي د سمقيع
سنتياس مٺگوناکن ماس سام اد دري سگي سڀڻ ، ڦفتاهون دان کماهيرن اتاو فريستاسي ڪرجن.

چرڪس

ڦکرجا يغ چمرلڻ مڻڻايوءيءي عمالن چمرلڻ دالم منجاڪ کصيختن فيزيڪل ،
ميندا دان اييوسين. دالم منجاڪ کصيختن فيزيڪل بوكن سهاج ايان
منجاڪ کوالیتی ڦمakanen تنافي جو گ سنتياس ملاڪوکن لاتيئن جسماني
سرتا منداڻت ریحت اتاو تيدور يغ منجوكوڻي. کيچقسنان دالم مغوروس
ديري سرتا ڪچندروڻن ملاڪوکن هان اكتيؤيٽي-اكتيؤيٽي يغ برفاء ڀده
مبواتن ديرين لبيه برديسيقلين ، سنتياس صيحت ، چرڪس دان
ڦروڏوقتيف.





Pengetahuan Asas Pertolong Cemas

Sengatan Serangga dan Ikan

SENGATAN KALA, LIPAN DAN LEBAH

- Kala mempunyai sengat berbisa terletak dihujung ekornya. Kala dan Lipan pada lazimnya terdapat dicelah-celah rumput atau daun kering dan pernah juga merayap masuk ke dalam rumah.
- Kebanyakan Lebah termasuk yang jenis besar, tidak merbahaya gigitannya. Jenis yang berbisa boleh menyebabkan pesakit muntah, berkeringat dan mengejangkan otot-otot sehingga kadang-kadang mengancam pernafasan.
- Pada kebiasaannya gigitan atau sengatan serangga-serangga tersebut di atas menyebabkan kesakitan dan kebengkakkan pada tempat yang kena gigit atau sengatan, selain dari menimbulkan perasaan ketakutan kepada mangsa.



Kaedah pengurusan pertolongan cemas dan bantuan awal yang perlu dilakukan adalah seperti mana berikut :

- Tenteramkan pesakit sambil mengawasi pernafasannya.
- Balut dan belat anggota yang terlibat
- Hantar pesakit ke Hospital dengan kadar segera



SENGATAN TEBUAN

- Sengatan oleh beberapa ekor Tebuan biasanya tidak melarat dan hanya menimbulkan kesakitan dan kebengkakan. Tatapi sengatan Tebuan boleh berlaku dengan ngeri apabila mangsa diserang oleh sekumpulan Tebuan yang banyak yang keluar dari sarang.

Kaedah pengurusan pertolongan cemas dan bantuan awal yang perlu dilakukan adalah seperti mana berikut :

- Keluarkan sengat yang terbenam di kulit dengan penyepit halus.
- Sapukan krim antithistamine.
- Jika tiada, gunalah “surgical spirit” atau larutan ammonia atau larutan soda bikarbonat.
- Hantar pesakit ke Hospital dengan kadar segera



SENGATAN IKAN

- Jenis-jenis Ikan yang biasanya mempunyai sengat berbisa disisipnya adalah seperti Ikan Sembilang dan Ikan Keli. Sengatan ikan akan menimbulkan kesakitan yang amat sangat berserta kebengkakan.

Kaedah pengurusan pertolongan cemas dan bantuan awal yang perlu dilakukan adalah seperti mana berikut :

- Keluarkan sengat yang terbenam di kulit dan tempat luka.
- Digalakan supaya berdarah seketika supaya mengeluarkan bisa.
- Balut dan belat luka untuk keselesaan mangsa.
- Hantar pesakit ke Hospital dengan kadar segera
- Selain dari ikan, Obor-obor juga boleh mengakibatkan sengatan yang perlu dirawat serta merta untuk mengatasi alergi dengan menggunakan ubat salap antihistamin atau basuh dengan sabun dan air garam. 🌶



Taman Kurnia Jaya

[SUPER LINK 24' X 70']

43 UNIT

Rumah Teres 2 Tingkat
(Sebelah Padang Golt,
PENGKALAN CHEPA)

FASA 10





Taman LIMBAT

18 UNIT

Rumah Banglo 1 Tingkat
(Limbat, Guntong, KOTA BHARU)

FASA 2



BINARAYA PKINK SDN. BHD. (72017-U)

PT 717, Bonggong Bharaya, Jalan Abdul Kadir Adabi, Birek 12,
10100 Kota Bharu, Kelantan.

09-741 4455 / 09-741 4465

marketing@binaraya.com.my

www.facebook.com/Binaraya-PKINK

Serikat Kumpulan



Profil Impian

sdn bhd

MINAHASA PASTAFARM CONSTRUCTION BERHAD